

18 JAN 1997

PM-Multimedia (Laporan Khas)

SAMBUTAN POSITIF KEPADA PROMOSI MSC PM DI CARLIFONIA

Oleh: K C Leong

SANTA CLARA, CALIFORNIA, 18 Jan (Bernama) -- Lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke California minggu ini berkemungkinan besar terbukti sebagai titik permulaan kepada langkah tuju Malaysia ke arah Wawasan 2020 dan seterusnya mengubah cara hidup rakyatnya.

Dalam masa seminggu lepas Perdana Menteri telah dengan penuh semangat dan dengan sejalasnya mengutarakan kegigihan negara ini mengubah strategi bagi memasuki Era Maklumat melalui pembangunan industri multimedia.

Bagi rakyat Malaysia, perubahan ini telahpun diperkatakan dalam perutusan tahun Baru Dr Mahathir lebih dua minggu lepas di mana beliau telah memberi penekanan kepada pentingnya teknologi tinggi untuk mencapai taraf negara maju menjelang 2020.

Bagi penonton sasarannya di California, laungan beliau untuk mendapat bantuan mereka untuk menyokong pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) telah menjadi "pembuka mata" dari segi penyeluruhannya, tarikan dan viabilitinya.

Tindak balas mereka sungguh positif sekali, terutamanya di sini di Lembah Silicon, pusat penumpuan utama dunia bagi syarikat-syarikat teknologi tinggi, khasnya industri berasaskan multimedia dan pengetahuan yang mahu dicontohi oleh Malaysia dengan MSC.

Bagi rakyat Malaysia, yang difahamkan (secara salah) bahawa Wawasan 2020 ialah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara industri, sekarang seharusnya jelas bahawa negara mahukan lebih dari itu, iaitu satu ekonomi di mana sektor pekhidmatan ialah yang terbesar, mengatasi sektor pembuatan.

Walaupun setakat ini MSC masih diperingkat pembinaan prasarana yang berharga berbilion dolar, seperti lapangan terbang baru, hubungan keretapi laju, Putra Jaya dan Cyber Jaya yang berdekatan untuk sektor swasta, kumpulan pertama "aplikasi pengenalannya" sebahagian besarnya akan melibatkan aktiviti-aktiviti "kuasa-otak"

Aplikasi-aplikasi ini termasuk projek-projek seperti kerajaan elektronik, sekolah bistari, teleperubatan, pusat-pusat penyelidikan dan pembangunan, kad serbaguna negara dan pemasaran tanpa sempadan.

Dan ini hanya fasa pertamanya sahaja. Fasa kedua akan melibatkan penghubungan MSC -- kawasan percubaan global seluas 50km x 15km -- dengan kawasan-kawasan cemerlang yang lain dan fasa ketiga akan menyaksikan keseluruhan Malaysia melompak ke dalam Era Maklumat dengan keseluruhan rakyatnya "menjalani penghidupan dengan cara baru ini".

Dr Mahathir sungguh sibuk sewaktu berada di sini, pertamanya di Los Angeles untuk berucap kepada terutamanya kalangan industri hiburan Hollywood, dan sejak hari Rabu di sini di Lembah Silicon untuk bercakap kepada tauke-tauke syarikat peralatan komputer dan perisian utama.

Seperti juga beliau melancarkan Malaysia dengan berasaskan komoditi menuju cepat ke arah industrilisasi dalam tahun 80'an, Dr Mahathir sekarang mencari jalan untuk melontar negara ini ke arah apa yang beliau sifatkan sebagai "janji penuh Era Maklumat".

Dalam satu lagi langkah berwawasan, beliau mendahului orang lain dalam menyedari bahawa kuasa-kuasa global sedang membawa seluruh dunia ke arah Era digital hasil gabungan komputer, maklumat dan hiburan yang akan memberi kesan kepada manusia, cara mereka hidup, belajar, bekerja dan bermain.

Sebagaimana Dr Mahathir sendiri berkata: kejayaan sesebuah negara bergantung kepada keupayaannya menerima pakai kuasa-kuasa global dan

"negara-negara yang berwawasan boleh pilih untuk mewujudkan nilai dan bukan hanya berjuang untuk hanya mengambil peluang dari keadaan yang ada sekarang".

Beliau sibuk sekali di sini untuk membantu Malaysia menerima pakai yang terbaik yang boleh didapati daripada syarikat-syarikat peralatan komputer, perisian dan hiburan di sini dengan cara mendapatkan nasihat dan pelaburan mereka dalam MSC. Bagi rakyat Malaysia, masa depan mereka sungguh menarik dalam mereka belajar untuk berubah. -- BERNAMA

KCL WAT